

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, February 26, 2020 4:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Berita Luar Negara: Hubungan UUM Dan Kyoto Sangyo University Terjalin Mesra



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 FEBRUARI 2020 / 2 REJAB 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Fadhlaa Aqilah Othman
Gambar oleh: Anjung Tamu

BERITA LUAR NEGARA: HUBUNGAN UUM DAN KYOTO SANGYO UNIVERSITY TERJALIN MESRA



UUM ONLINE: Hubungan yang terjalin baik antara UUM dengan Kyoto Sangyo University terus disemai dengan kehadiran 17 pelajar universiti tersebut sempena program *International Sintok Sakura Summer Camp: Collaboration Between UUM And Kyoto Sangyo University Via An Integrated Program For Culture, Learning And Community* mulai 15 Februari hingga 7 Mac ini.

Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Dr. Herman Shah Anuar berkata, program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) itu mengambil konsep Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed yang mengasaskan Dasar Pandang Ke Timur (LEP) yang ingin pelajar universiti untuk mencontohi sikap dan budaya positif rakyat Jepun yang mempunyai semangat kenegaraan tinggi, pantas bekerja dan berfikir.

"Perbezaan budaya Malaysia dan Jepun ini boleh dijadikan sebagai satu ilmu baru kepada pelajar dari UUM dan Kyoto Sangyo University untuk saling mempelajari budaya baharu dan melihat perkembangan ilmu dan teknologi.

“JHEP juga lebih menggalakkan program-program sebegini lebih kerap diadakan kerana bukan sahaja dapat melebarkan imej korporat UUM yang baik, pelajar UUM juga dapat mempelajari bahasa, budaya dan adat yang berbeza,” katanya.

Tambahnya lagi, sikap dan budaya masyarakat Jepun akan memberikan teladan kepada pelajar UUM untuk lebih bijak dalam menguruskan diri supaya lebih maju ke hadapan dari segi emosi dan intelektual.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.